



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU , 30 JUN 2018**

1. PESAWAH BUNTU PADI ROSAK, ROMPIN – SH, 37
2. BOLEH MAKAN, SETEMPAT – HM, 40
3. MENAPUK TARIK REZEKI, SETEMPAT – HM, 38

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2018	SINAR HARIAN	ROMPIN	37

Pesawah buntu padi rosak

Harap kerjasama pihak berkaitan siasat punca

MUHAYUDIN SALLEH

TANJUNG GEMOK

Beberapa pesawah di jelapang padi Paya Setajam, di sini, buntu apabila tanaman mereka rosak akibat penyakit yang tidak diketahui.

Tinjauan *Sinar Harian* di sawah itu mendapati ada bahagian padi kekuningan dan pembesaran terbantut.

Pesawah Paya Setajam, Jamaludin Ahmad, 42, berkata, mereka buntu apabila masalah yang dihadapi tidak pulih sebelum mengambil keputusan menabur baja melebihi jumlah sepatutnya.

Menurutnya, dua minggu pertama padi tumbuh subur namun selepas itu ada yang mula mati.

"Padi yang tak mati pula seolah-olah terbantut kerana



Jamaludin menunjukkan sebahagian tanaman padinya yang menguning sebelum mati.

saiznya lebih rendah berbanding padi yang tak elok.

"Penyakit padi seperti ini tak pernah berlaku. Nak kata penyakit apa pun saya tak tahu," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Jamaludin berkata, bagi mengatasi masalah itu dia beberapa kali mengupah individu untuk meracun namun tetap tiada perubahan.

"Jadi kita minta jabatan berkenaan dapat datang dan

pantau. Kalau dapat tahu punca, kita boleh cegah pada masa akan datang," katanya.

Seorang lagi pesawah, Bohhari Ahmad, 66, yang mengusahakan dua lot padi seluas 2.4 hektar turut mengalami masalah sama.

Bohhari juga menjangka jumlah hasil padinya berkurangan musim ini.

Dia juga buntu kerana tidak tahu punca sebenar masalah berkenaan sedang-

kan sudah menjalankan rutin membaja dan meracun mengikut waktu.

"Kita harap kalau pihak berkenaan datang mungkin boleh tahu masalah dan puncanya hingga padi jadi macam ini agar mudah bagi mencegah atau mengatasinya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin, Anuar Juhaidee



Bohhari buntu kerana padi rosak walaupun dibaja dan diracun.

info

Jabatan Pertanian negeri dan IADA Rompin sudah maklum perkara itu dan dalam siasatan

Mohd Nordin, yang dihubungi mengakui telah maklum mengenai masalah itu melalui aduan yang dibuat

beberapa individu.

Menurutnya, pihaknya telah memajukan masalah berkenaan kepada Bahagian Teknikal Jabatan Pertanian Kuantan bagi mengenal pasti punca masalah padi berkenaan.

"Jabatan Pertanian juga sudah turun kawasan membuat pemeriksaan, setakat ini kita sedang berusaha mengenal pasti jenis dan punca penyakit," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2018	HARIAN METRO	SETEMPAT	40

Idea hidup secara mampan

Iskandar Puteri: Taman Dapur (Edible Park) di Medini di sini, diwujudkan bagi menggalakkan rakyat terutama di kawasan bandar ini melakukan pertanian mampan di rumah serta membantu pengeluaran hasil tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd (MIM), Dr James Tee berkata, Taman Dapur adalah hasil kerjasama MIM iaitu perancang dan pemaju utama 902.4 hektar bandar urban Medini di tengah kawasan Iskandar Puteri bersama perusahaan sosial, JOGreen.

"Seluas 1.61 hektar, landskap Taman Dapur menjadi landasan bagi memupuk komuniti setempat mengenai idea terkini kehidupan mampan.

"Landskap taman itu juga disampaikan dalam pelbagai format iaitu taman dengan reka bentuk berinspirasi, bengkel pendidikan yang

mengalakkan bekalan makanan mencukupi di rumah dan sebuah ladang bandar yang menggalakkan sokongan pengeluaran hasil tempatan dan pertanian mampan," katanya.

Tee berkata, Taman itu menjadi hab kepada komuniti untuk membangunkan persekitaran dengan idea baru terhadap pengurusan sisa pepejal, tenaga hijau, kehidupan mampan, pengeluaran tempatan dan konsep dari ladang ke meja makan.

Katanya, untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai taman itu atau sebarang aktiviti yang dianjurkan, orang ramai boleh mengunjungi laman Facebook Medini Green Parks yang sentiasa dikemaskini.

Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@nrstp.com.my

Iskandar Puteri

Pertama kali menjajakan kaki ke Taman Dapur atau taman boleh dimakan (Edible Park) di Medini di sini, ibarat berada di kawasan hijau negara Eropah dengan pelbagai warna tumbuhan ulam, sayur dan herba.



PONDOK untuk pengunjung berteduh di Edible Park seluas 1.61 hektar.



BOLEH MAKAN

■ **Taman Dapur Medini dipenuhi pelbagai tumbuhan ulam, sayur dan herba**

PELBAGAI jenis pokok ditanam di Edible Park di Medini, Iskandar Puteri.

Apatah lagi Taman Dapur seluas 1.61 hektar itu terletak di dalam Taman Hijau Medini yang bakal dikelilingi bangunan mercu tanda atau pencakar langit dalam tempoh 10 hingga 15 tahun dari sekarang.

Bersesuaian dengan pangilannya, taman ini mengandungi tumbuhan yang boleh dimakan seperti sayuran, ulaman dan pokok herba. Kebiasaannya juga pokok yang ditanam adalah tumbuhan berjangka hayat pendek iaitu hidup dalam tempoh satu hingga enam bulan.

Turut dihiasi dengan landskap dan arca menarik, Taman Dapur di dalam kawasan Taman Hijau Medini itu juga memiliki ruang rehat dan kafe bagi pengunjung berehat dan menghilangkan dahaga.

Menurut pan-

dangan akademik dan pakar, Taman Dapur adalah pendekatan reka bentuk taman yang menggabungkan penggunaan pelbagai jenis tanaman boleh dimakan seperti sayuran, rempah-ratus, ulaman, herba dan buah termasuk tanaman hiasan atau bunga.

Taman Dapur dapat menyumbang kepada keperluan dapur terutama untuk tujuan masakan dan makanan kepada keluarga serta dapat menjimatkan kos perbelanjaan dan di persekitaran rumah, Taman Dapur boleh dibina sama ada secara berasingan di satu sudut atau digabungkan dengan pelbagai jenis tanaman berbunga.

Di Taman Dapur Medini, masuk saja ke pintu gerbangnya, mata terus tertumpu pada bangunan hijau di atas bukit la-

itu bengkel studio yang digunakan untuk mengadakan kelas masakan makanan organik dan lain-lain aktiviti secara percuma atau berbayar.

Susunan dan landskap tumbuhan herba, ulam dan sayur yang teratur dan keemasan menambahkan lagi rasa sejuk mata memandangi taman itu seolah-olah berada di luar negara.

Antara tanaman yang didapati dalam Taman Dapur di Medini ialah salad, pegaga, kedondong, kucal, daun kari, pokok nangka, pisang, roseselle dan banyak lagi.

Difahamkan, semua tanaman di Taman Dapur itu akan dijual kepada orang ramai setiap Sabtu minggu pertama selain mereka yang berminat boleh menyertai bengkel yang diadakan setiap hujung minggu di situ.



ARCA yang dibina di Edible Park di Medini, Iskandar Puteri.

38 setempat 30-06-2018



RUMAH tapuk menangkap ikan secara tradisional yang didirikan di Sungai Serting.



ZAKARIA menunjukkan ikan yang ditangkap menggunakan kaedah menapuk dibina di Sungai Serting.

Abnor Hamizam Abd Manap
news@rstp.com.my

Jempol

Musim hujan membawa rezeki kepada empat sahabat dari Kampung Air Hitam, di sini, apabila ikan sungai yang ditangkap menggunakan kaedah dikenali sebagai 'menapuk' dapat dijual dalam sekelip mata. Menapuk ialah cara menangkap ikan secara tradi-

sional menggunakan peralatan seperti pukat yang dibuat sendiri. Sebuah pondok atau rumah tapuk dibina di tengah

MENAPUK TARIK REZEKI

■ Sungai Serting lubuk tangkap ikan sungai

sungai bagi menahan pukat sebelum memerangkap ikan. Rumah tapuk dibina menggunakan pokok turut dijadikan tempat bermalam bagi menunggu tapuk. Khairul Nizam Hamzah, 38, berkata, menangkap ikan menggunakan kaedah itu lebih mudah, namun memerlukan kemahiran terutama membina rumah tapuk. Katanya, kerja menyirat tapuk dibuat sendiri rakan sekampung bagi menjimatkan kos kerana harga tapuk di pasaran melebihi RMI,000. "Tapuk dibuat menggunakan benang nilon dan mengambil masa satu hingga dua bulan untuk disiapkan. "Rumah tapuk dibina sebelum hujan dan memerlukan kemahiran disebabkan

perlu tahan terhadap arus sungai," katanya. Bersama tiga rakannya, Zakaria Husin, 41, Mohd Syafik Karim, 25, dan Mohamad Rezuwan Rosli, 23, mereka mula menahan tapuk pada sebelah petang sebelum membiarkannya semalaman. Khairul berkata, faktor keselamatan tetap menjadi keutamaan kerana keadaan sungai yang deras boleh menyebabkan rumah tapuk roboh. Katanya ikan sembilang, patin, lampan, baung dan haruan antara yang ditangkap menggunakan kaedah menapuk. "Kami be-

rem- pat ada pekerjaan tetap dan melakukan kerja ini ketika hujan berterusan beberapa hari sehingga menyebabkan paras air sungai naik. "Sungai Serting menjadi lokasi menapuk dan tidak sangka rezeki kali ini lebih lumayan berikutan mendapat banyak

ikan, sekali gus membuktikan sungai ini masih mempunyai sumber ikan air tawar," katanya. Bagi Zakaria, permintaan ikan sungai sangat tinggi dan ikan yang ditangkap dijual dalam sekelip mata. Katanya, penduduk sememangnya menanti ikan yang dibawa pulang malah ada yang membuat tempahan awal. "Kami bermalam di rumah tapuk bagi memastikan ikan yang ditangkap dimasukkan ke dalam sangkar dan dijual segar kepada orang ramai," katanya.



IKAN sungai yang ditangkap menggunakan kaedah menapuk di Sungai Serting.